



HASAN ABD. RAHMAN (tengah) memotong riben perasmian Agrobazar Rakyat 1Malaysia Pertubuhan Peladang Kawasan Merlimau, Melaka, kelmarin.

Projek tebatan banjir RM278.8j dilulus

Oleh **NURSURAYA ZULKIFLI**

utusanmmlaka@utusan.com.my

■ **JASIN 8 FEB.**

SEBANYAK RM278.8 juta peruntukan diluluskan oleh kerajaan Persekutuan bagi membolehkan kerajaan negeri melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di tiga kawasan negeri ini yang berisiko banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Hasan Abd. Rahman berkata, projek tersebut dijangka bermula hujung tahun ini melibatkan kawasan Melaka Tengah iaitu RM162.8 juta, Jasin (RM60 juta) dan Merlimau (RM56 juta).

Beliau berkata, pelaksanaan projek itu dilihat mampu mengurangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan banjir yang sering terjadi apabila tiba musim tengkujuh

di negeri ini.

“Sudah pasti projek ini akan memberi kelegaan terutamanya kepada golongan penternak, peladang dan petani di negeri ini yang berisiko besar hasil pertanian dan penternakan mereka boleh terjejas sekiranya berlaku banjir.

“Kita juga akan berusaha mendapatkan peruntukan bagi menjalankan projek RTB ini di daerah Alor Gajah pada tahun depan dan kerajaan negeri amat berterima kasih dengan sokongan yang diberikan oleh kerajaan Persekutuan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Agrobazar Rakyat 1Malaysia Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merlimau di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang negeri, Datuk Abu Pit; Timbalan Pengarah Lembaga

Pertubuhan Peladang negeri, Haryani Abdul Manaf dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Merlimau, Abdul Kalam Hassan.

Dalam pada itu, Hasan berkata, pihaknya menggesa penglibatan daripada akar umbi seperti kumpulan petani, peladang dan penternak serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta wakil rakyat dalam memberi pandangan dan idea berkaitan pelaksanaan projek tersebut.

“Segala idea dan input yang disuarakan mereka ini perlu diambil kira sebelum perkara berkenaan dibawa masuk ke makmal untuk dibincangkan.

“Ia termasuk meneliti polisi daripada pihak perunding, kontraktor dan Kementerian untuk memastikan tiada kesilapan reka bentuk projek RTB ini supaya segala kos pembangunan dapat dimanfaatkan sepenuhnya,” katanya.